

21 SEP 1996
Bangladesh-Malaysia
MENTERI LUAR BANGLADESH KUNJUNG MALAYSIA

Oleh: Shafiqul Bashar

DHAKA, 21 Sept (Bernama) -- Menteri Luar Bangladesh Abul Hasan Chowdhury dijangka membincangkan pelbagai isu dua hala termasuk kemungkinan mengeksport lebih ramai tenaga buruh dari negara itu semasa lawatan rasminya selama empat hari ke Malaysia mulai Isnin ini.

Semasa bercakap kepada Bernama di sini hari ini, beliau berkata Dhaka berminat untuk mempereratkan hubungan dengan Kuala Lumpur serta mempertingkatkan perdagangan dua hala antara kedua-dua negara.

"Saya menghormati dan kagum dengan rakyat Malaysia," kata beliau.

Beliau akan mengetuai satu rombongan i sembilan orang termasuk lima orang daripada sektor swasta.

Katanya beliau akan menjemput ahli perniagaan Malaysia untuk melabur di Bangladesh serta mengadakan syarikat-syarikat usahasama di sini.

Mengenai perdagangan antara kedua-dua negara, Abul Hassan berkata beliau akan berbincang dengan Malaysia mengenai langkah-langkah untuk mempertingkatkan kerana perdagangan dua hala sekarang lebih menguntungkan Malaysia.

"Saya yakin kami akan dapat mencari jalan bagaimana untuk menambah eksport bagi memperbaikiimbangan dagangan antara Bangladesh dan Malaysia," kata beliau.

Abul Hassan juga berkata bahawa beliau menghargai pencapaian ekonomi Malaysia di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Beliau (Dr Mahathir) ialah seorang legenda bagi zaman ini," kata beliau.

Beliau turut menghargai langkah kerajaan Malaysia yang membenarkan ramai pekerja Bangladesh bekerja di Malaysia.

Semasa kunjungannya, Abul Hasan akan menemui Timbalan Menteri Luar Malaysia Datuk Dr Leo Michael Toyad, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayub, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian Datuk Kerk Choo Ting dan Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Beliau juga akan menghadiri satu majlis taklimat di Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan akan menemui pemimpin dewan perdagangan dan industri Malaysia.

-- BERNAMA.

SB AHH